

13/12/2001

Nasib tiga pemimpin MCA diketahui Khamis depan

PUTRAJAYA, Rabu - Kedudukan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, Pengerusi Tetap, Lim Hong Sang dan Setiausaha Agung, Senator Yew Teong Look, akan ditentukan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA, Khamis depan, kata presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"CC akan mengkaji cadangan hasil siasatan Jawatankuasa Penyiasatan Veteran MCA selepas Majlis Presiden mengesahkan laporan itu Jumaat lalu," katanya di sini hari ini.

Laporan itu mencadangkan supaya parti itu menegur Ong, Yew dan Lim serta memberi kuasa kepada Majlis Presiden atau CC menentukan jenis tindakan yang dikenakan terhadap mereka.

Jawatankuasa yang dianggotai enam veteran parti itu ditubuhkan untuk menyiasat pergaduhan pada Perhimpunan Agung Pemuda MCA 3 Ogos lalu.

Sementara itu, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, pelbagai masalah dibincangkan sama ada pada mesyuarat Majlis Presiden atau CC.

"Setiap kali ada mesyuarat kami membincangkan semua masalah yang timbul. Satu daripada cara menyelesaikan pertelingkahan dalaman ialah melalui proses demokrasi.

"Justeru, mereka yang menang dalam sebarang pengundian harus melaksanakan keputusan itu dan mereka yang kalah harus menerima keputusan berkenaan serta membantu melaksanakannya.

"Proses demokrasi memakan masa. Biar ia selesai dengan aman damai dan penuh berdisiplin," katanya selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet di sini, hari ini.

Mengenai nasihat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya MCA menyelesaikan pertelingkahan dalaman secepat mungkin, beliau berkata, pihaknya menerima nasihat itu.

Beliau turut berterima kasih kepada Abdullah dan akan cuba sedaya upaya menyelesaikan masalah dalaman parti itu.

Sementara itu, Dr Ling berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan upacara mengalu-alukan kumpulan pertama pelajar ke Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) pada Mei atau Jun depan.

"Ia saat membanggakan dan menggembirakan pentadbiran Utar dan MCA selepas sekian lama menunggu," katanya.

Beliau berkata, ketika ini, premis lama The Star di Seksyen 13, Petaling Jaya yang akan dijadikan kampus sementara Utar, sedang diubah suai.

(END)